

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Bernama.com
Ekonomi, (2 of 2)

Date: June 23, 2007

Ekonomi

23 Jun, 2007 16:56 PM

Pelabuhan Klang Timbang Wujudkan Agensi Sehenti Tingkat Pelabuhan Di Zon Bebas

Oleh Tham Choy Lin

BEIJING, 23 Jun (Bernama) -- Lembaga Pelabuhan Klang sedang berunding dengan kerajaan untuk mewujudkan sebuah agensi sehenti di zon bebasnya di Pulau Indah bagi mempercepatkan memberi kelulusan kepada para pelabur untuk menubuhkan perniagaan di sana, kata pengerusi barunya Datuk Chor Chee Heung.

Katanya minat ditunjukkan terhadap Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) adalah baik dan menerima kadar tempahan perniagaan hampir 20 peratus walaupun ia dilancarkan pada tahun lepas.

"Kami masih belum mendapat kelulusan tetapi diharapkan mendapat sesuatu petunjuk menjelang akhir tahun ini," katanya kepada Bernama.

"Kami sedang berunding dengan kerajaan, terutama sekali MIDA (Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia) untuk mewujudkan sebuah lembaga sehenti yang akan meliputi kesemua pelbagai agensi dalam kerajaan yang mengeluarkan kelulusan."

Chor berada di Beijing bagi majlis perasmian restoran Awana Beijing yang dimiliki sebahagiannya oleh Pempena Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Tourism Malaysia. Beliau juga pengerusinya.

Katanya pelabuhan itu kini aktif mempromosikan PKFZ untuk menarik pengendali syarikat perkapalan dan pekilang untuk menubuhkan operasi di sana.

"PKFZ adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia yang meliputi zon komersial dan perindustrian dan sambutan sangat baik, yang kini di bawah 20 peratus," katanya.

Agensi sehenti itu akan mempercepatkan matlamat pelabuhan itu untuk mempunyai pengusaha sehingga 50 peratus di zon seluas 405 ha itu dalam tempoh tiga tahun.

"Pembangunan PKFZ akan secara tidak langsung meningkatkan pengendalian kontena dan kargo lain di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat untuk mengeksport barangan," katanya.

PKFZ dikendali secara perkongsian dengan Jafza International yang turut mengendalikan Zon Bebas Jebel Ali di Dubai, yang merupakan hub pengedaran utama di Asia Barat.

Aker Kvaerner dari Norway baru-baru ini merupakan syarikat terbaru di PKFZ membuka pusat minyak dan gas bersepadu pelbagai guna dasar laut, yang merupakan yang pertama seumpamanya di dunia, melalui pelaburan AS\$100 juta (AS\$1 = RM3.45).

Chor berkata pelabuhan itu juga sedang mempertingkatkan ranking dunianya yang kini berada di tangga ke-16, bagi menghadapi cabaran dari pelabuhan lain di rantau ini dan Asia.

"Adalah menakjubkan untuk melihat pelabuhan di China dibangunkan dengan pantas dalam tempoh sejak lima tahun lepas. Kita tidak membiarkan keadaan itu berterusan di mana jika kita tidak dapat mengatasi mereka, kita mesti kekal kompetitif," katanya.

http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_business.php?id=269175



PORT KLANG FREE ZONE SDN BHD (708970-U)
P.O. Box 261, Jalan Pelabuhan,
42009 Port Klang, Selangor D.E., Malaysia
Jalan FZ 2-P5, Port Klang Free Zone / KS 12,
42920 Pulau Indah, Selangor Darul Ehsan
Tel : +603 3101 5568
Fax : +603 3101 4489
E-mail : info@pkfz.com
Website : www.pkfz.com

Press Clipping

Chor berkata Pelabuhan Klang sedang bersiap sedia untuk menerima kapal besar jenerasi baru yang boleh memuatkan 12,000 TEU (kontena berukuran bersamaan dua puluh kaki) dengan mengorek sehingga ke kedalaman 15 meter.

Pelabuhan itu mengendalikan 6.3 juta TEU pada tahun lepas dan berharap menjadi terminal pertama di negara ini yang mempunyai kendalian tujuh juta TEU dalam tahun ini.

Pelabuhan itu telah mengendalikan 2.7 juta TEU dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, daripada 2.1 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.

-- BERNAMA